

**NO. SOALAN : 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO  
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [ Mukah ] minta  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan cadangan  
dan langkah-langkah Kerajaan dalam meningkatkan lagi program dalam  
“Business Tourism” atau MICE program di Malaysia.**

**JAWAPAN :** **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensinya Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB) yang ditubuhkan khas bagi perniagaan pelancongan atau “*business tourism*” telah mengambil pelbagai langkah dan inisiatif bagi mempertingkatkan lagi industri perniagaan pelancongan seperti yang berikut:

- i) Penyertaan Dalam Pameran Perdagangan MICE Antarabangsa, Misi Jualan dan *Roadshow* Antarabangsa seperti AIME di Australia, IMEX di Frankfurt, Jerman dan Amerika Syarikat;
- ii) Pembangunan Produk dan Industri;
- iii) Pengiklanan dan Promosi Antarabangsa; dan
- iv) Lawatan Suai Kenal Pelaku Industri dan Media MICE Antarabangsa

Tambahan kepada itu, beberapa inisiatif baru telah diambil bagi meningkatkan lagi tahap kemahiran para pelaku industri pelancongan perniagaan ke arah memajukan Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan persidangan antarabangsa terunggul di rantau Asia. Inisiatif-inisiatif ini adalah seperti yang berikut:-

- i) Sesi Jaringan Hubungan Dengan Industri bagi pelaku-pelaku utama industri pelancongan perniagaan sekurang-kurangnya tiga kali setahun;
- ii) Anugerah ‘Rawr’ bagi mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada pelaku industri perniagaan pelancongan yang mencapai kecemerlangan;
- iii) Minggu Perniagaan Malaysia yang diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelaku-pelaku mengenai industri perniagaan pelancongan untuk meningkatkan tahap profesionalisme di kalangan penggiat-penggiat industri;
- iv) Program Pendidikan Industri di mana seminar dianjurkan bagi ahli-ahli Persatuan Perniagaan Pelancongan; dan
- v) Program Duta Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)’s Ambassador Programme: Kesatria 1Malaysia Program yang diwujudkan bagi mendapatkan kerjasama pemimpin-pemimpin profesional industri yang terdiri daripada presiden atau mantan presiden persatuan kebangsaan, pakar-pakar sektor perubatan, kejuruteraan, minyak dan gas, akauntan dan sebagainya yang juga menjadi ahli persatuan-persatuan antarabangsa. Presiden atau mantan presiden persatuan-persatuan sedemikian diharapkan dapat menggunakan pengaruh dan kepimpinan mereka untuk membantu pihak MyCEB mendapatkan persidangan dan kongres persatuan-persatuan ini diadakan di Malaysia.

Selaras dengan kempen Malaysia Year of Festivals (MYFEST 2015), MyCEB telah memperkenalkan dua kempen khas untuk *Business Tourism* iaitu:

- i) Kempen “Malaysia Like Never Before” memperkenalkan lima (5) destinasi khas bertema MICE, iaitu Langkawi, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching; dan
- ii) Kempen “Malaysia Twin Deal X” pula merupakan insentif kepada pihak korporat dan *meeting planners* atau perancang acara MICE.

Selain itu, usaha-usaha publisiti juga dipertingkatkan melalui rangkaian sosial media, promosi media online dan melalui sesawang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui langkah-langkah dan inisiatif tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa Industri Perniagaan Pelancongan atau “*Business Tourism*” telah mencapai prestasi yang menggalakkan. Dari Januari sehingga Disember 2014, Malaysia telah berjaya mencatatkan kemenangan sebanyak 152 bidaan bersamaan 362,280 hari perwakilan (*delegate days*) untuk tahun 2014 hingga 2020. Ini merupakan satu peningkatan sebanyak 185% berbanding dengan sasaran EPP#10, iaitu 195,000 hari perwakilan (*delegate days*). Kemenangan bidaan ini dijangka membawa hasil sebanyak RM 970 juta sebagai impak kepada ekonomi negara bagi tempoh yang sama.

Sekian, terima kasih.